

# TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 January 2025 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2025 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana ESG Global aims to maximise returns over long term by investing in a qualified Sustainable and Responsible Investment (SRI) Fund.

Takafulink Dana ESG Global bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang berkelayakan.

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund	100.73
2 Cash, Deposits & Others	-0.73

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	20/03/2023
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM7,891,889.50
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.30460

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana ESG Global Vs. Dow Jones Islamic Market  
Developed Markets Index



### Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.00%	1.20%	-0.88%	10.64%	NA	NA	30.46%
Benchmark / Penanda Aras	2.81%	7.36%	3.70%	13.86%	NA	NA	40.88%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.81%	-6.16%	-4.58%	-3.22%	NA	NA	-10.42%

# TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 January 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2025 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Fund Review & Strategy

The Fund returned 2.00% for the month, underperforming the benchmark return of 2.81% by 0.81%. Year-to-date, The Fund returned 2.00%, underperforming the benchmark return of 2.81% by 0.81%. Global market started a new year in 2025 with plentiful events including CES event which managed to boost the AI sentiment albeit then hit by DeepSeek news in the middle of January, Trump inauguration day followed by his rapid changes of tariff implementation plan as well as "big talks" about taking over Canada and Greenland, and higher 10Y and 30Y interest rate reflecting a bear steepening yield curve due to expectation of inflation which might force US Federal Reserve to eliminate any rate cut decision for the year. With more inflation data updates and Federal Reserve speakers' commentary, interest rate gradually reversed back to more sensible expectation. Albeit all the headline noises and macro updates, 4QCY24 earnings showed that 60% of S&P 500, 25% of STOXX 600, 50% of TOPIX companies which reported have delivered both better sales and earnings beats. The Target Fund Manager expects the market performance to continue improving from here assuming that current solid growth trajectory continue throughout through 2025 while acknowledging the elevated volatilities from market headlines. By region, EU stood out as the best performing market showing some recovery from better than fear earnings result and the low base rate in 2024 while US market has been dragged by the IT pullback due to some AI capex fear. By sector, Healthcare delivered better than fear earnings result which stood out as one of the best performing sectors. This was in line with what the Target Fund Manager highlighted previously that Healthcare, specifically Pharma industry, has been overwhelmed by the market noises apart from some data readout disappointments in 2H24 which market expectation has dampened a lot. However, the Healthcare outperformance was fully offset by Industrials which the Target Fund's holdings were negatively impacted by US Department of Government Efficiency decision of halting USAID funds and streamlining federal spending. The top contributors were Boston Scientific and Thermo Fisher. Both companies attended JP Morgan Healthcare Conference in the middle of the month and provided some assuring outlook updates which supported investors' confidence. Following the conference at the end of the month, Thermo Fisher delivered earnings beats and raise. The management highlighted that company would be targeting solid high single digit range earnings growth with the main focus on improving its profitability albeit that growth outlook remains uncertain. On the other hand, the top detractors were Tetra Tech and due to not investing in Meta Platforms and Amazon. While Tetra Tech had delivered strong quarterly earnings with 10% sales and 6% EPS beat, the Target Fund Managed observed meaningful multiples de-rating which reflect investors' concern around the impact from halting USAID funds and other potential US federal government spending. The selling action was further intensified by its respective volume liquidity.

### Tinjauan & Strategi Dana

Dana memberikan pulangan 2.00% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 2.81% dengan perbezaan 0.81%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana mengembalikan 2.00%, tidak mengatasi prestasi pulangan penanda aras sebanyak 2.81% dengan perbezaan 0.81%. Pasaran global memulakan tahun baharu 2025 dengan pelbagai peristiwa termasuk acara CES yang berjaya menggalakkan sentimen AI walaupun kemudiannya dilanda berita DeepSeek pada pertengahan Januari, hari pelantikan Trump diikuti dengan perubahan pesat pelan pelaksanaan tarifnya serta "perbincangan besar" tentang mengambil alih Kanada dan Greenland, dan kadar faedah 10-tahun dan 30-tahun yang lebih tinggi mencerminkan keluk hasil yang semakin meningkat disebabkan oleh jangkaan inflasi yang mungkin memaksa Rizab Persekutuan AS untuk mengeneipkan sebarang keputusan pemotongan kadar bagi tahun tersebut. Dengan lebih banyak kemas kini data inflasi dan ulasan jurucakap Rizab Persekutuan, kadar faedah beransur-ansur berbalik semula kepada jangkaan yang lebih wajar. Sungguhpun dengan semua keruahan tajuk utama dan kemas kini makro, pendapatan 4QCY24 menunjukkan bahawa 60% daripada S&P 500, 25% daripada STOXX 600, 50% daripada syarikat TOPIX dilaporkan telah menghasilkan jualan dan rentak pendapatan yang lebih baik. Pengurus Dana Sasaran menjangkakan prestasi pasaran akan terus bertambah baik dari sini dengan mengandaikan bahawa trajektori pertumbuhan semasa yang kukuh akan berterusan di sepanjang tahun 2025 sambil mengakui bahawa turun naik yang meningkat daripada tajuk utama pasaran. Mengikut rantau, EU menonjol sebagai pasaran berprestasi terbaik yang menunjukkan beberapa pemulihan daripada hasil pendapatan yang lebih baik daripada kerisauan dan kadar asas yang rendah pada tahun 2024 manakala pasaran AS telah diseret oleh pengunduran prestasi IT lantaran bimbangankan perbelanjaan modal ke atas AI. Mengikut sektor, Penjagaan Kesihatan memberikan hasil pendapatan yang lebih baik daripada yang digusarkan dan yang menjelang sebagai salah satu sektor yang berprestasi terbaik. Ini selaras dengan apa yang telah diketengahkan oleh Pengurus Dana Sasaran sebelum ini bahawa Penjagaan Kesihatan, khususnya industri Farmasi telah ditenggelami oleh keruahan pasaran selain daripada sebahagian bacaan data 2H24 yang mengecewakan lalu melemahkan jangkaan pasaran. Namun begitu, prestasi baik Penjagaan Kesihatan telah diimbangi sepenuhnya oleh Perindustrian yang mana pegangan Dana Sasaran telah terjejas secara negatif oleh keputusan Jabatan Kecekapan Kerajaan AS untuk menghentikan dana USAID dan memperkemas perbelanjaan persekutuan. Penyumbang utama ialah Boston Scientific dan Thermo Fisher. Kedua-dua syarikat ini menghadiri Persidangan Penjagaan Kesihatan JP Morgan pada pertengahan bulan dan menyediakan beberapa kemas kini tinjauan yang meyakinkan lalu menyokong keyakinan pelabur. Selepas persidangan pada akhir bulan, Thermo Fisher menyampaikan rentak dan kenaikan pendapatan. Pihak pengurusan menekankan bahawa syarikat akan menyasarkan pertumbuhan julat pendapatan tinggi satu digit yang kukuh dengan tumpuan utama untuk meningkatkan keuntungannya walaupun prospek pertumbuhan masih tidak menentu. Sebaliknya, penjejas utama ialah Tetra Tech dan ketiadaan pelaburan dalam Meta Platforms dan Amazon. Walaupun Tetra Tech telah menyampaikan pendapatan suku tahunan yang kukuh dengan jualan 10% dan kadar EPS 6%, Pengurus Dana Sasaran memantau penurunan penarafan gandaan bermakna yang mencerminkan kebimbangan pelabur mengenai kesan pemberhentian dana USAID dan potensi perbelanjaan kerajaan persekutuan AS yang lain. Tindakan penjualan dipergiatkan lagi oleh volum kecairan masing-masing.

Source / Sumber: Fund Commentary, January 2025, Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd.

### Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

# TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 January 2025 unless otherwise stated

*Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2025 melainkan jika dinyatakan*

**PRUDENTIAL BSN**

**TAKAFUL**